

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA
KINABALU]**

TARIKH : **16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada Malaysia berhasrat menyertai Organisasi Kerjasama Shanghai sebagai rakan dialog.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Buat masa ini, Malaysia tidak berhasrat untuk menyertai Organisasi Kerjasama Shanghai atau dengan izin, *Shanghai Cooperation Organization* (SCO) sebagai Rakan Dialog.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan semua negara-negara ahli, rakan dialog serta pemerhati kepada organisasi SCO ini. Malaysia juga sudah mempunyai mekanisma melalui berbagai forum serantau dan antarabangsa untuk berinteraksi serta mengadakan kerjasama politik, ekonomi dan keselamatan dengan kesemua negara-negara yang berkaitan dengan SCO.

NO. SOALAN : 10

4. Penglibatan Malaysia di dalam sesuatu pertubuhan banyak mengambilkira kedudukan geografi, kepentingan pragmatik dan strategik negara. Malaysia akan mengambilkira kemampuan negara di dalam melaksanakan komitmen serta melihat sejauh mana relevannya sesuatu pertubuhan serantau mahupun antarabangsa kepada keperluan semasa serta hala tuju negara. Pertimbangan sedemikian adalah penting bagi memastikan sumber negara digunakan dengan wajar dan mengikut perancangan strategik Malaysia.

Sekian, terima kasih.